

'Fitnah lambang parti tiada maruah'

BH - 09/07/2007

BUTTERWORTH: Datuk Seri Najib Razak, semalam, berkata tuduhan fitnah yang dilemparkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) kepada beliau dan pemimpin lain termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menunjukkan parti itu tidak bermaruah.

Timbalan Perdana Menteri, berkata parti itu sanggup mengada-adakan perkara yang tidak benar hanya kerana hendak memburuk-burukkan nama pemimpin negara dan ia jelas satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

"Mereka mengata Perdana Menteri dan saya. Macam-macam hingga yang tiada diada-adakan, beriya-iyanya sangat nak mengaitkan saya sampai gambar tiada pun diada-adakan," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Batu Kawan di sini, semalam.

Najib tidak mengulas mengenai perkara itu tetapi Jumaat lalu, Ketua Penerangan PKR, Tian Chua mengaku mencipta dan menyiarkan gambar palsu Timbalan Perdana Menteri bersama seorang wanita yang didakwa model Mongolia, Altantuya Shaariibuu di laman blognya, tetapi enggan meminta maaf.

"Ini bukan politik bermaruah. Da-

“Ini bukan politik bermaruah. Dalam apapun kita kena ada maruah dan jangan mengata orang lain tak betul”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

lam apapun kita kena ada maruah dan jangan mengata orang lain tidak betul, tetapi kita sendiri buat angkara sebaliknya. Lambat laun orang akan tahu dan saya percaya semua orang pun sudah tahu," katanya.

Beliau berkata, dalam apa keadaan sekali pun, semua parti politik di negara ini perlu mengekalkan maruah, prinsip dan moral mereka serta mengelak daripada melempar fitnah untuk memburuk-burukkan sesiapa.

"Parti pembangkang tidak seharusnya menuduh orang lain tidak betul tetapi pada masa sama mereka sendiri melakukan perkara sebaliknya. Saya percaya orang Umno tahu. Dulu dalam Umno, buat apa, keluar Umno bukan kerana dasar atau prinsip tetapi kerana masalah peribadi.

"Bila sudah keluar Umno, semua tidak betul, tetapi dalam Umno kita pun tahu apa cerita sebenar. Oleh itu,

dalam politik mesti ada prinsip, moral, jangan dulu cakap lain, sekarang lain, semua tidak betul," katanya.

Beliau berkata, kejayaan parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok, Selangor, baru-baru ini, membuktikan keyakinan rakyat kepada kepemimpinan BN.

Mengenai cadangan Pemuda Umno hendak membuat laporan polis berhubung tindakan Tian Chua menyiarkan gambar mendakwa Najib dengan Altantuya Shaaribu di internet itu, beliau berkata, mereka sedang mengkaji perkara itu sebelum membuat sebarang keputusan.

Sementara itu katanya, tindakan kerajaan memutuskan pembatalan projek pembinaan insinerator di Broga, Semenyih, tidak bermakna kerajaan menolak untuk membina insinerator di negara ini pada masa depan. //